

**FAKTOR-FAKTOR PENENTU STRES DALAM KALANGAN
GURU-GURU SEKOLAH RENDAH KAWASAN
BANDAR DAN LUAR BANDAR, SABAH**

LIZA MATHEW



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

 (TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

 (TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

 (NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satu telah saya nyatakan sumbernya.



.....
LIZA MATHEW
MT1212247T
02.06.2014

DISAHKAN OLEH:



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

.....
DR. SUYANSAH SWANTO

PENGHARGAAN

Syukur dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuhan dengan limpahan rahmat serta nikmat kesihatan, masa dan tenaga yang dianugerahkan kepada saya sehingga saya dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Terlebih dahulu, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah saya, Dr.Suyansah Swanto kerana dengan tunjuk ajar dan bimbingannya membuka ruang untuk saya menyiapkan tugas ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada ibu bapa saya atas doa serta dorongan yang diberikan kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan tugas ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada suami tercinta, Dourrey Dulamid dan anak tercinta, Carmen Ouhi yang sentiasa mendampingi dan menyemarakkan lagi semangat saya untuk terus berjuang menyempurnakan tugas ini. Tidak lupa juga kepada sahabat baik saya Ann Veronica John yang sentiasa memberi inspirasi dan semangat kepada saya. Kepada rakan-rakan yang banyak memberi bantuan secara langsung dan tidak langsung. Sesungguhnya kehadiran kalian merupakan suatu rahmat yang tidak dapat saya balas dengan wang ringgit.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

FAKTOR-FAKTOR PENENTU STRES DIKALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH KAWASAN BANDAR DAN LUAR BANDAR, SABAH

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap stres berdasarkan faktor demografi (lokasi sekolah, jantina, umur, dan pengalaman mengajar) serta menentukan faktor-faktor yang menyebabkan stres dalam kalangan guru-guru di sekolah rendah di negeri Sabah. Terdapat enam faktor stres dikaji iaitu dari aspek hubungan luar (hubungan guru dengan ibu bapa murid dan hubungan guru sesama rakan sekerja), bebanan kerja, kekangan masa, sikap pelajar, pengiktirafan majikan dan kekangan sumber. Seramai 304 guru dari 13 buah sekolah di negeri Sabah dipilih sebagai responden untuk mewakili keseluruhan populasi. Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan kaedah persampelan bertujuan dalam memilih sekolah-sekolah yang terlibat sebagai sampel kajian. Data-data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 21.0 for Windows*. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min, kekerapan dan peratus) dan statistik inferensi (Ujian-t, Ujian ANOVA, Korelasi Pearson dan Regresi Berganda). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap stres dalam kalangan responden berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan stres dengan jantina. Terdapat perbezaan yang signifikan antara stres dengan lokasi sekolah, umur dan pengalaman mengajar. Terdapat hubungan yang signifikan antara kesemua enam faktor iaitu hubungan luar (hubungan guru dengan ibu bapa murid dan hubungan guru sesama rakan sekerja), bebanan kerja, kekangan masa, sikap pelajar, pengiktirafan majikan dan kekangan sumber dan faktor yang sangat mempengaruhi stres adalah faktor hubungan luar dan pengiktirafan majikan.

ABSTRAK


FAKTOR-FAKTOR PENENTU STRES DIKALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH KAWASAN BANDAR DAN LUAR BANDAR, SABAH

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap stres berdasarkan faktor demografi (lokasi sekolah, jantina, umur, dan pengalaman mengajar) serta menentukan faktor-faktor yang menyebabkan stres dalam kalangan guru-guru di sekolah rendah di negeri Sabah. Terdapat enam faktor stres dikaji iaitu dari aspek hubungan luar (hubungan guru dengan ibu bapa murid dan hubungan guru sesama rakan sekerja), bebanan kerja, kekangan masa, sikap pelajar, pengiktirafan majikan dan kekangan sumber. Seramai 304 guru dari 13 buah sekolah di negeri Sabah dipilih sebagai responden untuk mewakili keseluruhan populasi. Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan kaedah persampelan bertujuan dalam memilih sekolah-sekolah yang terlibat sebagai sampel kajian. Data-data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 21.0 for Windows*. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min, kekerapan dan peratus) dan statistik inferensi (Ujian-t, Ujian ANOVA, Korelasi Pearson dan Regresi Berganda). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap stres dalam kalangan responden berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan stres dengan jantina. Terdapat perbezaan yang signifikan antara stres dengan lokasi sekolah, umur dan pengalaman mengajar. Terdapat hubungan yang signifikan antara kesemua enam faktor iaitu hubungan luar (hubungan guru dengan ibu bapa murid dan hubungan guru sesama rakan sekerja), bebanan kerja, kekangan masa, sikap pelajar, pengiktirafan majikan dan kekangan sumber dan faktor yang sangat mempengaruhi stres adalah faktor hubungan luar dan pengiktirafan majikan.

ABSTRACT

DETERMINANTS OF STRESS AMONG URBAN AND RURAL PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN SABAH

The purpose of this study was to identify the perceived level of stress based on demographic factors (school location, gender, age, and teaching experience) and also to determine the contributing factors of stress among teachers who are currently teaching in primary school around Sabah. There are six teacher's stress sources that were included in this study which comprise relationship with parents, relationships with colleagues, time constraint, pupils' attitude, employer recognition, and lack of resources. A total of 304 teachers from 13 primary schools in Sabah were chosen as a respondent that represents the total population. The data is analyzed with Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 21.0 for Windows. Data was analyzed by using descriptive and inferential statistics (Independent t-test, one-way ANOVA, Pearson Correlation test and Multiple Regression). The finding indicated that the stress level among respondents was at a moderate level. Further analysis revealed that there were no significant differences on the level of stress among respondents in terms of gender. There were also significant differences on level of stress in term of school location, age and work experience. It was found that significant relationship in all six factors of stress mentioned and it was found that relationship between parental and colleagues and it was found that parental relationship, and employer recognition significantly predicted teacher's stress level.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

F1	Faktor Luaran
F2	Bebanan Kerja
F3	Kekangan Masa
F4	Sikap Pelajar
F5	Pengiktirafan Majikan
F6	Kekangan Sumbar
SK	Sekolah Kebangsaan
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
SRJK	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1 : Faktor-Faktor Penentu Stres Guru-Guru Sekolah Rendah Kawasan Bandar Dan Luar Bandar
- Rajah 2.1 : Model stres Robbins
- Rajah 2.2 : Model Stres Kerja
- Rajah 2.3 : Model Faktor tekanan kerja Yates
- Rajah 2.4 : Model Kerja Greenberg
- Jadual 3.1 : Populasi Kajian Guru-guru Daerah Ranau dan Kota Kinabalu, Sabah
- Jadual 3.2 : Hasil Ujian Kebolehpercayaan (*Reliability Test*) ($n = 40$)
- Jadual 3.3 : Nilai Korelasi Dan Interpretasi Skala Korelasi
- Jadual 3.4 : Kaedah Analisis Data
- Jadual 4.1 : Taburan kedudukan sekolah
- Jadual 4.2 : Jantina Guru
- Jadual 4.3 : Umur Guru
- Jadual 4.4 : Tahap Stress Guru Lelaki dan Perempuan
- Jadual 4.5 : Tahap Stres Guru Bandar dan Luar Bandar
- Jadual 4.6 : ANOVA Sehalu: Stres Berdasarkan umur guru
- Jadual 4.7 : *Post-Hoc* Tukey HSD : Stres Berdasarkan Faktor Kumpulan Umur Guru
- Jadual 4.8 : ANOVA Sehalu: Stres berdasarkan Pengalaman Mengajar
- Jadual 4.9 : *Post-Hoc* Tukey HSD : Stres Berdasarkan Faktor pengalaman
- Jadual 4.10 : Faktor Luaran dengan Stres
- Jadual 4.11 : Faktor Bebanan Kerja dengan Stres
- Jadual 4.12 : Faktor Kekangan Masa dengan Stres
- Jadual 4.13 : Faktor Sikap Pelajar dengan Stres
- Jadual 4.14 : Faktor Pengiktirafan Majikan dan Stres
- Jadual 4.15 : Faktor Kekangan Sumber dengan Stres
- Jadual 4.16 : Faktor Dominan
- Jadual 4.17 : Analisis Dapatan

ISI KANDUNGAN

BAB 1 :

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang Masalah	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Tujuan kajian	7
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Soalan Kajian	7
1.7	Hipotesis Kajian	8
1.8	Kepentingan Kajian	9
1.9	Skop Kajian	10
1.10	Batasan Kajian	10
1.11	Definisi Operasional	11
1.12	Kerangka Teoritik Kajian	13
1.13	Penutup	16

BAB 2 :

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Teori Dan Model-Model Stress	17
2.2.1	Model Stress Kerja Slu, Donald & Cooper	18
2.2.2	Teori Sindrom Penyesuaian Umum (GAS)	18
2.2.3	Model Stres Robbins	19
2.2.3	Model Stress Kerja Siu, Donald & Cooper	22
2.2.4	Model faktor tekanan kerja Yates	25
2.2.5	Model Tekanan Kerja Greenberg	26
2.3	Kajian Berkaitan	29
2.3.1	Kajian-kajian Lepas Dalam Negara	29
2.3.2	Kajian-kajian Lepas Luar Negara	32

BAB 3 :

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	37
3.4	Lokasi Kajian	40
3.5	Instrumen Kajian	40
3.5.1	Struktur Instrumen	40
3.5.1	Penilaian Instrumen	41
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	42
3.6.1	Kajian Rintis	42
3.7	Pemboleh ubah Kajian	44
3.7.1	Pemboleh ubah Bersandar	44
3.7.2	Pemboleh Ubah Bebas	45
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	45
3.9	Tatacara Penganalisan Data	46
3.9.1	Statistik Deskriptif	46
3.9.2	Statistik Inferensi	46
3.9.3	Aras Signifikan	48
3.10	Penutup	48

BAB 4 :

DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	49
4.2	Latar Belakang Responden	49
4.3	Ujian Hipotesis Dan Penilaian Dapatan Kajian	51
4.4	Analisis Dapatan Ujian Keseluruhan	62

4.5	Penutup	63
-----	---------	----

Bab 5

Perbincangan Dan Rumusan

5.1	Pengenalan	64
5.2	Rumusan Dan Perbincangan	64
5.4	Implikasi Dan Cadangan	76
5.5	Refleksi Dan Limitasi Kajian	77
5.6	Cadangan Kajian Lanjut	77
5.7	Penutup	78

BIBLIOGRAFI

79

LAMPIRAN

85



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan dan perkembangan yang pesat dalam era globalisasi masa kini menjadikan kehidupan manusia semakin mencabar dan kompleks. Tuntutan kehendak dan persaingan hidup menjadi cabaran pada manusia untuk meneruskan kehidupan. Ini menjadi pemangkin pada munculnya fenomena stres yang memerlukan perhatian yang khusus untuk memahaminya. Menurut Hatta (2002) stres kini adalah fenomena yang kerap disebut sebagai ancaman yang besar terhadap kesihatan mental manusia sejagat. Stres disifatkan sebagai fenomena pelbagai dimensi yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kehidupan manusia.

Perubahan globalisasi dalam bidang pendidikan telah menjadikan profesion perguruan suatu bidang yang tidak lari dari masalah stres. Simon Hon Lit Min (2004) berpendapat bahawa keadaan ini berlaku kerana tanggungjawab guru semakin kompleks dan berorientasikan tahap pengetahuan yang perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Abdul Razak (2001) menyatakan bahawa perubahan-perubahan yang menyebabkan stres pada guru di sekolah disebabkan oleh dua faktor iaitu perubahan akibat desakan dalaman dan perubahan yang disebabkan desakan luaran. Perubahan yang disebabkan desakan dalaman adalah seperti kepimpinan dalam organisasi, membuat keputusan, dan komunikasi strategi motivasi yang kurang berkesan. Manakala perubahan kesan desakan luaran adalah seperti kehendak masyarakat dan ibu bapa, perubahan dasar kementerian,

perubahan teknologi dan ekonomi. Perubahan-perubahan ini sering berlaku dan sudah pastinya akan menyebabkan tekanan kerja bagi setiap individu yang terlibat.

Untuk mencapai matlamat sistem pendidikan yang berkesan di sekolah, seseorang guru mestilah mempunyai kemahiran dalam menangani stres untuk memperolehi kepuasan kerja. Prestasi kerja seorang guru perlu dipertingkatkan dan menuju ke arah menghasilkan dan mempertingkatkan produktiviti yang optimum. Ini kerana peningkatan kepuasan kerja akan menambahkan produktiviti, kemampuan dan keberkesanan organisasi (Gruneberg, 1981).

1.2 Latar belakang Masalah

Petikan dalam akhbar Berita Harian yang bertarikh 23 Julai 2007 ada memaparkan kes dakwaan guru yang menampar murid seramai 22 orang di kelas Tahun Empat Sekolah Kebangsaan Gayang, Tuaran kerana tidak menyiapkan kerja rumah yang diberikan. Tindakan ini adalah keterlaluan serta memalukan profesion keguruan. Prosedur dan garis panduan salah laku pelajar seharusnya diutamakan oleh seorang guru sekolah sebelum menjatuhkan satu-satu hukuman. Hukuman yang telah dikenakan oleh guru-guru tersebut bukanlah suatu isu yang remeh-temeh kerana ia membabitkan psikologi para pelajar itu sendiri. Menyebut perkataan psikologi maka ia akan mewujudkan perasaan tertekan, dendam, malu yang sekaligus menghantui fikiran pelajar. Apa yang ingin dibincangkan tentang hal ini ialah apakah punca guru-guru berkenaan bertindak sedemikian? Jawapannya mungkin sekali disebabkan oleh faktor tertekan atau stres kerana terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerenah pelajar yang berulang dan berterusan.

Stres di kalangan guru merupakan isu yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan seorang pendidik. Pembangunan dan prasarana pendidikan di luar bandar terutama sekolah-sekolah terpencil masih kurang dan ini memberi sumbangan kepada stres yang dihadapi guru yang bertugas di kawasan luar

bandar. Begitu juga dengan guru-guru yang berkhidmat di kawasan bandar perlu berhadapan dengan sekolah yang lebih sibuk dan ditambah lagi dengan jumlah pelajar yang lebih ramai. Jelaslah golongan pendidik yang berkhidmat di sesuatu kawasan perlu mempunyai lebih daripada satu asas dalam subjek teras yang diajar.

Tekanan yang dialami guru mengikut lokasi tempat bertugas mungkin sekali berbeza. Dari segi kemudahan bangunan, bekalan elektrik dan air, serta asrama yang merangkumi pengambilan makanan berkhasiat masih jauh ketinggalan di kawasan luar bandar. Begitu juga dengan sistem internet, ini kerana kawasan luar bandar jauh ketinggalan dari segi perkhidmatan. Tanpa jaringan internet yang baik akan menyukarkan perjalanan pengajaran dan pembelajaran pelajar serta sukar mendapatkan maklumat terkini.

Sekolah-sekolah di kawasan bandar pula sering berhadapan dengan masalah kekurangan bangunan dan bilik darjah ekoran daripada bilangan pelajar yang terlalu ramai. Meskipun kebanyakan sekolah di kawasan bandar telah dilengkapi dengan kemudahan namun, jumlah murid yang ramai memberi tekanan kepada guru-guru untuk berhadapan dengan tugas seharian seperti menyemak buku kerja murid dan merekod markah murid yang ramai. Tugas-tugas guru pada masa kini dibebani dengan kerja-kerja pengkeranian yang banyak. Guru-guru pada masa kini perlu menghadap komputer berjam-jam lamanya untuk memasukkan pelbagai jenis data dalam pelbagai jenis perisian komputer seperti SAPS, SMM, APDM, SSDM, SSDM-A, SPPPBS, NILAM, ESPLG, e-Dat, E-Operasi, Hrmis, e-Perolehan dan termasuklah memasukkan segala maklumat pelajar secara online. Sistem PBS (Pentaksiran Berasaskan Sekolah) pula menambah beban tugas guru di samping menyiapkan rancangan pengajaran dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai. Ini ditambah pula dengan masalah kekurangan masa dan kelemahan sistem yang disediakan termasuklah masalah akses sistem PBS. Kerja-kerja PBS seperti membina instrument sendiri, menanda, menyemak, menyusun dan memasukkan

data ke dalam sistem di mana melibatkan ratusan orang pelajar. Sistem sedia ada pula tidak mesra pengguna dan kerap kali menghadapi masalah akses.

Bebanan guru yang tersenarai ini menjadi masalah kepada semua guru luar bandar dan Bandar. Berdasarkan tugas dan tanggungjawab guru ini, jelas menyatakan keperluan akses internet dan yang lebih penting lagi memerlukan bekalan elektrik yang baik dan berterusan. Kawasan luar bandar terutama di negeri Sabah masih jauh ketinggalan dengan kemudahan asas termasuk bekalan elektrik. Apa yang menambahkan bebanan seorang guru yang bertugas di kawasan luar bandar adalah tuntutan untuk menyiapkan kesemua tugas itu dengan keadaan sekolah kawasan luar bandar yang tidak mengizinkan.

Pelbagai usaha kerajaan telah dirancang dan dilaksanakan bagi menangani masalah yang dihadapi sekolah kawasan luar bandar mahupun bandar. Ini termasuklah usaha menangani masalah kekurangan guru dan kekurangan kemudahan bangunan dan bilik darjah. Masalah kekurangan guru khususnya di pedalaman harus ditangani dengan segera bagi mengelakkan sistem pendidikan luar bandar ketinggalan.

Kementerian Pelajaran mungkin tidak membuat cadangan mewajibkan guru baru bertugas di pedalaman selama tiga tahun jika golongan itu sejak awal lagi menyedari tanggungjawab, amanah yang perlu dilaksanakan serta menjadikan perkhidmatan sebagai keutamaan. Tetapi apa yang berlaku, ada guru baru enggan bertugas di sekolah luar bandar atau pedalaman. Ini bukan isu baru sebaliknya sejak berdekad lalu hingga menyebabkan murid di kawasan itu menjadi mangsa dan tercalar dalam pelajaran kerana kekurangan guru terlatih. Menghadapi pelbagai masalah peribadi termasuk berjauhan dengan isteri mahupun suami baru saja dinikahi, demikian kenyataan dilalui beberapa guru dari Semenanjung dan Sabah (*Berita Harian Online: 26 Februari 2010*).

Walaupun kajian mengenai stres telah banyak dijalankan tetapi kajian dan tinjauan tentang faktor-faktor penentu stres di kalangan guru-guru sekolah rendah terutama di negeri Sabah masih kurang

1.3 Pernyataan Masalah

Profesion perguruan merupakan pekerjaan yang sungguh mencabar. Seorang guru harus peka dengan perkembangan terkini yang sentiasa mendatang serta bersedia menghadapi proses kepimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber dan pencapaian matlamat pendidikan sebagai jalan untuk menjadi seorang guru yang baik. Peranan dan tanggungjawab guru kini menjadi lebih besar, mencabar dan kompleks apabila pelaksanaan pelbagai reformasi dalam pendidikan. Ini telah menjadi punca kepada guru-guru mengalami stres yang melampau bahkan sampai ke tahap burnout.

Gold dan Roth (1993) dalam kajian Esah Sulaiman (2003) menyatakan bahawa salah satu punca stres guru adalah disebabkan oleh perubahan. Sebagai pengurus pembelajaran, guru perlu merancang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak diajar setiap hari. Antara faktor-faktor yang menyebabkan stres guru ialah depersonalisasi, kejayaan diri, ketandusan emosi, lebihan kerja, hubungan interpersonal dan persekitaran kerja. Depersonalisasi ini adalah merujuk kepada keadaan emosi seseorang guru seperti cara melayan pelajar dan macam mana seseorang guru itu mengatasi masalah pelajarannya. Kejayaan diri merujuk kepada cara seseorang guru untuk mencapai kejayaan untuk melihat pelajarannya mencapai keputusan yang baik dalam pelajaran. Ketandusan emosi pula merujuk kepada perasaan guru yang kuat dalam menjalankan tugas tanpa merasa marah, sedih dan bersifat sentimental. Persekitaran kerja juga mempengaruhi guru dalam menjalankan tugas harian mereka antaranya keadaan persekitaran kelas, kemudahan alat bantu mengajar dan alat kelengkapan yang lain untuk memudahkan perhubungan guru dan pelajar.

Bagi guru-guru terutamanya yang berasal dari bandar dan tidak biasa dengan suasana dan persekitaran pedalaman atau luar bandar yang jauh

ketinggalan dari segi kemudahan dan infrastruktur, ditugaskan mengajar di kawasan itu merupakan satu mimpi ngeri bagi mereka. Ini kerana pelbagai cabaran terpaksa diharungi antaranya kekurangan bekalan elektrik, masalah jalan raya, ketiadaan kemudahan telefon dan jaringan komunikasi seperti internet. Kebanyakan guru yang mengajar di kawasan luar bandar berhadapan dengan masalah stres. Keadaan kawasan luar bandar yang serba kekurangan menambah kesukaran seseorang guru untuk menjalankan tugas sebenar seorang guru. Cabaran dan tekanan yang dihadapi oleh guru yang bertugas di luar bandar sangat berbeza dengan guru yang bertugas di kawasan Bandar.

Selain itu guru juga telah dibebankan dengan pelbagai tugas pentadbiran yang telah menjadi rutin pekerjaan mereka, umpamanya mengisi borang, mengutip yuran, mengemas kini kedatangan pelajar, menyediakan laporan prestasi, menyediakan soalan ujian dan peperiksaan, memberi bimbingan dan pelbagai lagi bagi memajukan pelajarannya. Jika ditambah dengan masalah yang sedia ada ini menyebabkan meningkatnya stres yang dialami guru terbabit. Kyriacou (1987) menekankan bahawa stres yang berpanjangan boleh melemahkan mental dan fizikal serta berupaya melemahkan secara signifikan kerjaya guru dan prestasi pelajarannya kerana stres menjejaskan kualiti pengajaran dan komitmen para guru. Keberkesanan sesuatu pendidikan adalah bergantung kepada penggerak utama sistem ini iaitu guru-guru. Prestasi guru dan komitmen adalah penting bagi seseorang guru untuk membantu anak bangsa dalam memperolehi kejayaan.

Memandangkan isu stres kerja semakin mengancam tahap profesionalisme guru-guru negara sementara kajian yang berkaitan masih tidak mencukupi terutamanya terhadap guru-guru sekolah rendah di negeri Sabah, maka penyelidik ingin mengambil kesempatan ini untuk mengkaji dengan lebih lanjut mengenai masalah ini. Tumpuan akan diberikan kepada guru-guru daerah Ranau dan Kota Kinabalu, Sabah.

Kajian ini dapat membantu untuk memberikan maklumat tentang faktor-faktor penentu stres guru di negeri Sabah. Enam faktor yang dikaji termasuklah faktor hubungan guru dengan ibu bapa pelajar, hubungan guru dan sesama rakan sekerja, bebanan kerja, kekangan masa dan sumber, karenah pelajar serta penghargaan dan sokongan dari majikan.

1.4 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor penyebab stres guru-guru sekolah rendah serta perbandingan antara sekolah rendah kawasan luar bandar dan bandar di negeri Sabah.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum bagi kajian ini ialah untuk melihat faktor-faktor penyebab stres yang paling dominan bagi guru-guru sekolah rendah kawasan bandar dan kawasan luar bandar di negeri Sabah.

- i. Untuk mengetahui perbezaan stres berdasarkan faktor demografi guru-guru sekolah rendah kawasan bandar dan luar bandar di negeri Sabah.
- ii. Untuk melihat hubungan antara faktor-faktor penentu stres dengan stres guru-guru sekolah rendah kawasan bandar dan luar bandar di negeri Sabah.
- iii. Untuk mengenalpasti faktor yang paling mempengaruhi stres guru-guru sekolah rendah kawasan bandar dan luar bandar di negeri Sabah.

1.6 SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif-objektif kajian, persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan stres antara guru lelaki dan guru perempuan?

- ii. Adakah terdapat perbezaan stres antara guru-guru sekolah rendah bandar dan luar bandar?
- iii. Adakah terdapat perbezaan stres berdasarkan kategori umur?
- iv. Adakah terdapat perbezaan stres berdasarkan kategori pengalaman?
- v. Adakah terdapat hubungan antara Faktor 1 (Hubungan Luar) dengan stres?
- vi. Adakah terdapat hubungan antara Faktor 2 (Bebanan Kerja) dengan stres?
- vii. Adakah terdapat hubungan antara Faktor 3 (Kekangan Masa) dengan stres?
- viii. Adakah terdapat hubungan antara Faktor 4 (Sikap Pelajar) dengan stres?
- ix. Adakah terdapat hubungan antara Faktor 5 (Pengiktirafan Majikan) dengan stres?
- x. Adakah terdapat hubungan antara Faktor 6 (Kekangan Sumber) dengan stres?
- xi. Apakah faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi stres guru-guru sekolah rendah di negeri sabah?

1.7 HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menguji hipotesis-hipotesis yang berikut;

- H₀₁ Tidak terdapat perbezaan stres yang signifikan antara guru lelaki dan guru perempuan.
- H₀₂ Tidak terdapat perbezaan stres yang signifikan antara kawasan bandar dan luar bandar.
- H₀₃ Tidak terdapat perbezaan stres yang signifikan berdasarkan kategori umur.
- H₀₄ Tidak terdapat perbezaan stres yang signifikan berdasarkan kategori pengalaman.
- H₀₅ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Faktor 1 (Hubungan Luar) dengan stres.
- H₀₆ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Faktor 2 (Bebanan Kerja) dengan stres.

H₀₇ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Faktor 3 (Kekangan Masa) dengan stres.

H₀₈ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Faktor 4 (Sikap Pelajar) dengan stres.

H₀₉ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Faktor 5 (Pengiktirafan Majikan) dengan stres.

H₀₁₀ Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Faktor 6 (Kekangan Sumber) dengan stres.

H₀₁₁ Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara Faktor1, Faktor 2, Faktor 3, Faktor 4, Faktor 5, dan Faktor 6 dengan stres guru-guru sekolah rendah di negeri sabah.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil daripada kajian ini diharap dapat mengenalpasti faktor-faktor penentu stress guru-guru sekolah rendah kawasan bandar dan luar bandar . Salah satu faktor ini mungkin menjadi penghalang kepada guru untuk mengajar di kawasan tertentu.

Dapatan daripada kajian ini juga amat berguna bagi :

1. agensi-agensi dalam bidang pendidikan untuk memaksimumkan pengemblengan bagi menangani dan mengurangkan tahap stres guru-guru.
2. rujukan bagi Kementerian Pendidikan terutama Sektor Pengurusan Sekolah yang mengurus penempatan guru perlu mengambilkira keperluan dan kesesuaian tempat bertugas seorang guru.
3. memberi gambaran kepada pihak pentadbir untuk memikirkan apakah keperluan guru-guru yang dapat dipenuhi oleh pihak pentadbir dalam mengurangkan stres guru.
4. guru-guru sebagai panduan guru dalam menilai di tahap manakah stres yang mereka alami dan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan stres melalui perancangan awal.

5. pihak latihan perguruan (IPG) untuk membuat pembaharuan dan penambahbaikan dalam usaha menyediakan bakal guru agar lebih bersedia dalam apa juga keadaan terutamanya dari segi ketahanan mental dan emosi.

1.9 SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya melibatkan guru-guru sekolah rendah kawasan bandar dan luar bandar di daerah Ranau dan Kota Kinabalu. Dengan itu keputusan kajian tidak boleh digeneralisasian kepada guru-guru sekolah lain.

1.10 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada aspek-aspek tertentu seperti berikut:

1. Kajian ini hanya menggunakan instrument soal selidik sahaja.
2. Kajian **ini hanya** melibatkan sekolah-sekolah rendah kawasan bandar dan luar bandar di negeri Sabah sahaja.
3. Dapatan kajian ini hanya boleh dibuat generalisasi kepada populasi sekolah rendah di negeri Sabah sahaja.

1.11 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam konteks kajian ini, beberapa istilah yang membawa makna khusus ditakrifkan seperti berikut:

a. Stres

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), stres didefinisikan sebagai perbuatan menekan, keadaan menekan atau keadaan tertekan, keadaan menanggung beban yang sukar ditanggung. Dalam kajian ini, stres merujuk kepada sebarang gangguan sama ada dari segi fisiologi mahu pun psikologi kesan dari menjalankan tugas sebagai seorang guru sekolah rendah. Gangguan fisiologi merupakan gangguan

yang boleh memberi kesan ke atas kesihatan diri seseorang seperti keletihan dan tekanan darah tinggi. Manakala bagi gangguan psikologi pula, melibatkan gangguan perasaan seperti, perasaan marah, kecewa, murung, resah dan rasa tidak puas hati. Gangguan-gangguan ini adalah disebabkan oleh ketidakupayaan guru memenuhi kehendak atau permintaan ke atas dirinya dalam menjalankan tugas-tugas di sekolah.

b. Guru

Dalam kajian ini, guru ditakrifkan sebagai seorang yang terlatih dalam bidang perguruan yang mempunyai kelayakan akademik yang berbeza sama ada guru bukan berijazah atau guru berijazah di bawah pentadbiran KPM. Tetapi kajian ini tidak melibatkan guru-guru sandaran tidak terlatih, penolong-penolong kanan dan guru besar. Guru-guru adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar di beberapa buah Sekolah Rendah di daerah Ranau yang bukan sahaja terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga bertanggungjawab menjalankan semua aktiviti yang berkaitan dengan kurikulum dan ko-kurikulum di sekolah.

c. Bandar

Takrifan kawasan bandar ialah kawasan yang diwartakan serta kawasan tepubina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini yang mempunyai penduduk seramai 10,000 atau lebih semasa Banci Penduduk dan perumahan 2000.

d. Luar bandar

Bermaksud kawasan yang jauh tetapi masih boleh dihubungi samada melalui pengangkutan (sendiri) atau komunikasi, kemudahan asas dan infrastruktur lebih baik. Kawasan luar bandar mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang.

e. Faktor-faktor Penentu Stres

Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan hanya enam faktor penentu stres iaitu, bebanan tugas, karenah pelajar, kekangan masa, penghargaan dan sokongan,

kekangan sumber, hubungan sesama rakan sekerja, dan hubungan dengan ibu bapa pelajar.

f. Beban Tugas

Merujuk kepada semua tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh guru sama ada yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran ataupun di luar pengajaran dan pembelajaran. Antaranya adalah seperti membuat rancangan mengajar, menyediakan bahan bantu mengajar, menghabiskan silibus, mengemaskini jadual kedatangan pelajar, mengganti guru yang tidak hadir, mengendalikan aktiviti ko-kurikulum, menggubal soalan dan pelbagai tugas lain.

g. Karenah Pelajar

Karenah pelajar merujuk kepada pelbagai tingkah laku dan salah laku yang ditunjukkan oleh pelajar. Antaranya adalah, pelajar yang kurang sopan, membuat bising, bersikap negatif terhadap pelajaran dan tidak bermotivasi.

h. Kekangan Masa

Kekangan masa ditakrifkan sebagai, masa yang tidak mencukupi untuk berehat dan menjalankan tugas berkaitan pengajaran dan pembelajaran (menghabiskan sukatan pelajaran, membuat persediaan mengajar, memberi tumpuan kepada pelajar secara individu, menanda buku) dan yang tidak berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (mengisi borang, menyediakan kertas kerja dan laporan dan mesyuarat).

i. Kekangan Sumber

Dalam kajian ini, kekurangan sumber bukan sahaja terhad kepada sumber pengajaran, seperti, kurangnya peralatan dan kemudahan pembelajaran tetapi juga melibatkan keperluan harian guru untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di sekolah (kertas dan mesin pencetak). Kemudahan bilik guru yang tidak selesa dan sempit juga turut dikategorikan sebagai kekurangan sumber.